

KOPERASI PEMANGKIN MALAYSIA MADANI



Muhamad Shafiq bin Mohd Noor
Pusat Pembangunan Koperasi
shafiq@ikma.edu.my



MALAYSIA MADANI

Pengenalan

Malaysia MADANI merupakan satu dasar yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 iaitu YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Malaysia MADANI merupakan satu dasar yang memfokuskan kepada keharmonian masyarakat berbilang kaum yang terdapat di seluruh tanah air. Ia juga merupakan satu kerangka hala tuju baharu negara dalam memastikan masa hadapan komuniti masyarakat akan terus maju, terampil dan terangkum. Selain itu, Malaysia MADANI juga memberi fokus utama dalam aspek pembangunan yang mampan dan tadbir urus yang baik.



Malaysia MADANI merupakan satu usaha secara bersepadu dan holistik untuk memastikan segala dasar dan pelaksanaan yang diperkenalkan di Malaysia dapat ditambah baik dari semasa ke semasa dengan berlandaskan maklum balas yang berterusan daripada masyarakat.

Gagasan Malaysia MADANI sebenarnya telah dirancang dan diterbitkan dalam sebuah buku yang dilancarkan pada 2 Oktober 2022 di Hotel Dorsett, Subang dan diangkat menjadi dasar negara pada bulan Januari 2023. Dasar Malaysia MADANI merupakan satu kerangka yang diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan dalam menerima segala perubahan dengan mengambil pandangan dan pendapat dari seluruh lapisan masyarakat bagi memastikan segala permasalahan yang dihadapi dapat didengar oleh pihak kerajaan. Dengan itu, kerajaan dapat merangka pelan-pelan pemulihan melalui reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

Malaysia MADANI merupakan satu panduan dan ikhtiar kerajaan sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia MADANI bertunjangkan sikap saling menghormati antara kaum, meraikan kepelbagaian pandangan dan pendapat serta menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia MADANI menjadi pemacu masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan

kepakaran tempatan dengan melahirkan generasi masyarakat yang berdaya saing dan berintelektual tinggi.

Melihat kepada definisi, nilai dan kerangka teras Malaysia MADANI, ia mempunyai persamaan dengan definisi dan nilai gerakan koperasi yang memberi penekanan terhadap pembangunan ekonomi anggota dan masyarakat setempat serta kesejahteraan dalam pembangunan modal insan. Dengan pelaksanaan konsep Malaysia MADANI ini dapat memberikan kesan positif dalam pembangunan gerakan koperasi di Malaysia secara amnya.

Malaysia MADANI

Malaysia MADANI merupakan satu usaha secara bersepadu dan holistik untuk memastikan segala dasar dan pelaksanaan yang diperkenalkan di Malaysia dapat ditambah baik dari semasa ke semasa dengan berlandaskan maklum balas yang berterusan daripada masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan "MADANI" berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud kemajuan dari segi akal pemikiran, kerohanian dan kebendaan yang berkenaan dengan pembangunan masyarakat yang harmoni, ekonomi masyarakat yang baik dan kemajuan dari segi kerohanian. Terdapat empat agenda utama dalam membangunkan Malaysia MADANI iaitu menumpukan kepada penyelesaian masalah, memenuhi keperluan semasa negara, menyentuh mencorakkan masa depan dan memenuhi potensi rakyat dan negara. Bagi memenuhi dan merealisasikan agenda ini, Malaysia MADANI telah merangka enam nilai teras atau tonggak dasar berlandaskan perkataan MADANI iaitu *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan*.

Kemampuan menggariskan kesejahteraan dan keseimbangan yang membawa maksud saling menghormati dan mengasihi sesama manusia, memelihara kebajikan haiwan dan alam sekitar. *Kesejahteraan* pula membawa erti kesejahteraan dari sudut ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu pengetahuan dan kepelbagaian pandangan daripada pelbagai aspek. *Daya cipta* merujuk kepada pembaharuan dan pengupayaan modal insan dalam melahirkan pemikiran yang kreatif. *Hormat* merupakan salah satu teras yang penting dalam perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, kemajmukan masyarakat dan meraikan kepelbagaian perbezaan pendapat sama ada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Seterusnya, teras *keyakinan* mempunyai kaitan yang erat dengan sikap amanah yang membawa maksud tanggungjawab bagi

melaksanakan amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan. *Ihsan* pula ialah belas ihsan terhadap semua lapisan masyarakat terutamanya kelompok minoriti agar dapat memahami permasalahan yang berlaku dan sentiasa berusaha untuk mencari jalan penyelesaian.

Nilai Malaysia MADANI dalam gerakan koperasi

Koperasi merupakan satu pertubuhan oleh sekelompok individu atau masyarakat yang mempunyai persamaan dalam meningkatkan ekonomi, sosial, keperluan semasa dan aspirasi bersama dalam menyediakan perkhidmatan atau perniagaan. Jika dilihat pendekatan atau konsep koperasi itu sendiri yang bersifat



pengurusan secara bersepadu, keharmonian antara anggota dan saling bergantung antara satu sama lain dalam memastikan manfaat dan kebajikan diperoleh secara bersama. Koperasi juga dihubungkan dengan nilai-nilai seperti memupuk corak pemikiran yang lebih matang, mengukuhkan keperibadian yang tinggi, fleksibel dalam pemikiran dan kreativiti dalam mencipta perkara yang baru dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul. Selain itu juga, koperasi juga mempunyai nilai-nilai seperti membantu diri sendiri, tanggungjawab diri sendiri, demokrasi, keadilan, kesaksamaan serta perpaduan dalam memastikan koperasi dapat diurus dan ditadbir dengan baik.

Melihat kepada nilai-nilai di dalam koperasi, ia mempunyai titik persamaan dengan konsep dasar Malaysia MADANI itu sendiri yang memberi penekanan dalam pembangunan masyarakat maju, harmoni dan perpaduan antara kaum. Keenam-enam nilai teras

dasar Malaysia MADANI itu telah merujuk sepenuhnya secara am kepada peranan besar gerakan koperasi dalam merealisasikan pelaksanaan dasar ini kerana koperasi merupakan satu badan yang dekat dengan sesebuah komuniti setempat sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Konsep koperasi adalah untuk membangunkan ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat setempat bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka serta dalam masa yang sama dapat memberi semula manfaat kepada golongan yang memerlukan.

Sejak penubuhan gerakan koperasi di Malaysia pada tahun 1956, koperasi memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dengan bekerjasama dalam meningkatkan ekonomi, memupuk nilai dalam menyimpan wang terlebih dahulu sebelum mendapatkan pinjaman dan bersama-sama dalam menjalankan perniagaan. Selain itu juga, koperasi



bukan sahaja sekadar tempat untuk meminjam wang atau membeli barangan keperluan sahaja namun ia menjadi satu tempat untuk masyarakat berniaga dan mendapatkan manfaat yang banyak bersama-sama serta sentiasa menjaga kebajikan setiap anggota, keluarga anggota dan masyarakat setempat. Ini menunjukkan bahawa koperasi merupakan satu perniagaan yang adil dan saksama serta dapat memupuk perpaduan antara anggota bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat.

Koperasi yang ditubuhkan di Malaysia mengamalkan prinsip dan nilai koperasi yang telah ditetapkan oleh *International Cooperative Alliance* (ICA) dan nilai koperasi ini mempunyai persamaan dengan nilai Malaysia MADANI. Sebagai contoh, Koperasi Anggota Kakitangan Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) merupakan koperasi kedua yang didaftarkan di Malaysia pada 27 Julai 1923 dan baru sahaja menyambut ulang tahun ke-100 pada Julai 2023 yang lepas. Hal ini menunjukkan koperasi mampu untuk kekal relevan dari zaman sebelum kemerdekaan sehingga kini.

KAKIB mempunyai keanggotaan melebihi 6,000 orang anggota yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama. Dalam tempoh 100 tahun beroperasi, koperasi mampu melestarikan keseimbangan bagi memberi perkhidmatan yang baik kepada kepelbagaian anggota koperasi. Apabila mempunyai kepelbagaian lapisan anggota, koperasi perlu memainkan peranan yang sebaik mungkin dan ketelusan perlu dilakukan dalam setiap keputusan yang diputuskan. Anggota KAKIB terdiri daripada pegawai kerajaan yang berkhidmat di Ipoh, Perak menjadi salah satu faktor utama koperasi mampu bertahan daripada satu generasi ke generasi yang lain. Selain itu juga, antara faktor yang penting dalam memastikan KAKIB dapat melestarikan koperasi adalah melalui pendidikan koperasi kepada anggota secara berterusan agar anggota sentiasa memahami konsep perniagaan koperasi dan secara tidak langsung



Kerangka Malaysia MADANI menjadi pemacu masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kepakaran tempatan dengan melahirkan generasi masyarakat yang berdaya saing dan berintelektual tinggi.

memberi pendedahan mengenai koperasi kepada ahli keluarga dan komuniti setempat tentang kepentingan berkoperasi.

KAKIB merupakan sebuah koperasi kredit sejak penubuhannya hingga ke hari ini. Peredaran masa dan teknologi yang begitu cepat sehingga mewujudkan persaingan yang amat ketara dalam industri kredit termasuk sektor koperasi. Kebanyakan koperasi kredit di Malaysia menghadapi cabaran dalam menawarkan perkhidmatan kredit kepada anggota apabila terdapat institusi luar yang menawarkan perkhidmatan yang sama dengan kadar keuntungan yang lebih rendah dan lebih kompetitif. Namun, KAKIB masih dapat mengekalkan perkhidmatan kredit kepada anggota dengan mempelbagaikan jenis-jenis produk kredit dan bukan sahaja fokus kepada pinjaman wang sahaja. Sebagai contoh, KAKIB menawarkan pembiayaan pelbagai pembelian barangan, peralatan kenderaan, cukai jalan, insurans dan lain-lain. Selain itu juga, KAKIB memperkenalkan syarat pembiayaan peribadi tanpa penjamin dan kadar keuntungan 3.9 peratus setahun yang merupakan di antara kadar yang rendah berbanding pesaing perkhidmatan kredit lain.



Peranan dan inisiatif kerajaan dalam pembangunan Malaysia MADANI melalui gerakan koperasi

Dalam usaha memastikan gerakan koperasi bergerak seiring dengan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan, pelbagai bantuan dan inisiatif telah diperkenalkan kepada koperasi agar koperasi dapat bersama-sama membantu kerajaan dalam memperkasakan sosioekonomi masyarakat. Ini menunjukkan peranan kerajaan dalam memastikan pembangunan masyarakat dapat dibentuk dengan berlandaskan dasar-dasar yang diperkenalkan melalui gerakan koperasi.

Antara inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah melancarkan Jualan Madani Koperasi bagi membantu menangani isu kos sara hidup yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat dan inisiatif bantuan kewangan menerusi Bank Rakyat yang bertujuan untuk membantu pembangunan usahawan, koperasi, penjaja dan peniaga kecil di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Hal ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk merealisasikan objektif utama menjadikan gerakan koperasi sebagai satu platform untuk mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui pemerkasaan gerakan koperasi dengan sokongan dan bantuan kepada golongan belia, wanita, masyarakat luar bandar dan golongan kategori B40.

Selain itu juga, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga telah melancarkan Program Jelajah Usahawan

dan Koperasi Madani (PJUKM) yang diadakan di seluruh negara sebagai satu inisiatif kerajaan untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang eksklusif dan secara tidak langsung dapat memperkasakan agenda keusahawanan koperasi dalam kalangan masyarakat. Dengan adanya program ini, kerajaan dapat menerapkan pembudayaan berkoperasi dalam kalangan masyarakat dan dapat memberi pendedahan mengenai pentingnya koperasi untuk pembangunan masyarakat.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024 yang lepas, kerajaan telah mengemukakan inisiatif untuk gerakan koperasi dengan menyediakan RM100 juta dana pembiayaan melalui Tabung Modal Pusingan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi membantu lebih banyak koperasi untuk mengembangkan lagi aktiviti perniagaan dan menggalakkan koperasi untuk bergerak secara agresif. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa mengambil kira peranan gerakan koperasi dalam membantu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, gerakan koperasi harus lebih peka dan bergerak dengan agresif bagi memastikan koperasi sentiasa relevan sepanjang zaman serta sentiasa berdaya saing dengan sektor-sektor lain.

Penutup

Konsep Malaysia MADANI merupakan satu dasar yang komprehensif dalam pembangunan masyarakat yang berdaya saing, maju dan harmoni. Dengan dasar ini, bukan sahaja pembangunan dari segi ekonomi malah pembangunan dari aspek sosial juga akan memberi kesan yang positif dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan masyarakat yang berdaya saing dalam menerusi perkembangan teknologi di samping mengekalkan nilai-nilai budaya yang baik. Menerusi gerakan koperasi pula, dasar Malaysia MADANI ini



Gerakan koperasi harus lebih peka dan bergerak dengan agresif bagi memastikan koperasi sentiasa relevan sepanjang zaman serta sentiasa berdaya saing dengan sektor-sektor lain.

akan memperkukuhkan lagi peranan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi yang lebih mampan dan kekal relevan. Gerakan koperasi sudah sinonim dengan penglibatan anggotanya dalam masyarakat untuk meningkatkan ekonomi mereka dan koperasi akan dapat memberi manfaatnya semula kepada anggota dan komuniti setempat melalui program-program kemasyarakatan.

Dengan sokongan daripada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), pelbagai inisiatif dan bantuan diperkenalkan. Ini bagi memastikan koperasi membantu kerajaan memperkasakan ekonomi masyarakat dan menjadi suatu galakan kepada koperasi untuk memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kelestarian koperasi agar dapat bersama-sama menjayakan dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Justeru, gerakan koperasi akan menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam memastikan dasar Malaysia MADANI ini dapat direalisasikan dengan lancar serta dapat memastikan segala bantuan dan inisiatif yang diberikan dapat membangunkan masyarakat yang lebih proaktif, intelektual, berdaya saing dan dihormati.